**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**SELASA 5 DISEMBER 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br><br>2.<br>3. | POTONGAN HARGA SAYUR, AYAM SEMPENA JUALAN MEGA MADANI, NASIONAL, SH -6<br>SEMUA BAWAH SATU BUMBUNG!, LOKAL, HM -16<br>TINGKAT STRATEGI MAJUKAN SEKTOR PERTANIAN JAMIN BEKALAN MAKANAN, MINDA PEMBACA, BH -13 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 4. | 'HANA HERO KAMI!', LOKAL, HM -10 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5. | MAQIS TEMUI SERANGGA PEROSAK PADA KAYU DIRAMPAS, NEGERI PULALU PINANG, SH -29 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6.<br><br>7. | PROJEK LSN DITERUSKAN UNTUK TINGKATKAN DAGING, NEGERI SEMBILAN, SH -27<br>10 PESAWAH RUGI RM70,000, SAWAH PADI DITENGGELAMI BANJIR, NEGARA, KOSMO -14 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Potongan harga sayur, ayam sempena Jualan Mega Madani

**KUALA LUMPUR -** Sebanyak 226 operator jualan terdiri daripada usahawan, pasar raya besar dan agensi bakal memeriahkan Jualan Mega Madani pada Program Setahun Bersama Kerajaan Madani hujung minggu ini.

Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Wan Ahmad Hilman Wan Adam berkata, program berkenaan melibatkan lapan segmen antaranya penjualan pelbagai barangan dengan tawaran menarik dan program pengembangan usahawan.

Segmen berkenaan ialah jualan usahawan, jualan Rahmah, jualan Madani koperasi, jualan agro Madani, jualan MyGrocer@ Wilayah, jualan aneka rasa Madani, jualan *food trucks* dan padanan perniagaan.

"Program ini kita gabungkan usahawan dan koperasi daripada pelbagai kementerian dan agensi sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri.

"Kalau sebelum ini mereka biasanya anjurkan jualan secara *outreach* di luar secara sendiri tapi kali ini sesuai dengan nama jualan mega kita rangkumkan semua ini daripada beberapa kementerian yang ada usahawan sehingga peringkat negeri di bawah satu program besar dan kita harap ini jadi tarikan utama khususnya bagi penduduk di sekitar Bukit Jalil dan Lembah Klang," katanya.

Wan Ahmad Hilman berkata, menerusi jualan Madani koperasi, sebanyak lima koperasi dalam sektor borong runcit yang terlibat akan menawarkan potongan harga sebanyak 30 peratus barangan keperluan harian kering dan basah seperti daging lembu, kambing dan ayam.

"Jualan agro Madani di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang turut terlibat akan menjual barangan berupa buah-buahan dan sayur-sayuran, ayam, ikan dan sebagainya yang segar dari ladang dan turut menawarkan potongan harga 30 peratus," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

JUALAN MEGA MADANI

# Semua bawah satu bumbung!

## 226 operator jualan bakal berkampung di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil

SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI

**Kuala Lumpur**

Sebanyak 226 operator jualan terdiri daripada usahawan, pasar raya besar dan agensi bakal memeriahkan Jualan Mega Madani pada Program Setahun Bersama Kerajaan Madani bertempat di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil pada 8 hingga 10 Disember ini.

Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Wan Ahmad Hilman Wan Adam berkata, program berkenaan membabitkan lapan segmen antaranya penjualan pelbagai barangan dengan tawaran menarik dan program pengembangan usahawan.

Segmen berkenaan ialah Jualan Usahawan, Jualan Rahmah, Jualan Madani koperasi, Jualan Agro Madani, Jualan MyGrocer@Wilayah, Jualan Anekarasa Madani, Jualan Food Trucks dan Padanan Perniagaan.

"Program ini kita gabungkan usahawan dan koperasi daripada pelbagai kementerian dan agensi sama ada di peringkat persekutuan ataupun negeri. Kalau sebelum ini mereka biasanya menganjurkan jualan secara *outreach* di luar secara sendiri-sendiri.

"...tapi pada kali ini sesuai dengan nama jualan mega kita rangkumkan semua ini daripada beberapa kementerian yang ada usahawan sehingga peringkat negeri di bawah satu program besar dan kita harap ini jadi tarikan utama khususnya bagi penduduk di sekitar Bukit Jalil dan Lembah Klang," katanya.

Beliau berkata demikian pada program bual bicara Apa Khabar Malaysia terbitan Bernama TV, semalam.

Wan Ahmad Hilman berkata, menerusi Jualan Madani, koperasi, sebanyak lima koperasi dalam sektor borong runcit yang terbabit akan menawarkan potongan harga sebanyak 30 peratus barangan keperluan harian kering dan basah seperti daging lembu, kambing dan ayam.

"Jualan Agro Madani di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang turut terlibat akan menjual barangan berupa buah-buahan dan sayur-sayuran, ayam, ikan dan sebagainya yang segar dari ladang dan turut menawarkan potongan harga 30 peratus.

"Pengunjung juga boleh mendapatkan beras tempatan dengan harga sangat istimewa 30 peratus murah," katanya.

Pada masa sama, Wan Ahmad Hilman berharap supaya masyarakat berkunjung ke segmen-segmen utama yang telah dirancang dan disediakan selain turut menikmati Jualan Mega Madani dikhususkan untuk membantu masyarakat mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga murah.

"Ada juga barangan lain seperti produk penjagaan diri, produk kecantikan, kosmetik, jamu, ubat-ubatan, herba dan sebagainya di bawah jualan Industri Kecil dan Sederhana.

"Jadi gunakanlah peluang ini untuk mendapatkan barangan dan juga menyokong usahawan serta koperasi terlibat dalam Jualan Mega Madani ini," katanya.



JUALAN Agro Madani di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan menjual barangan berupa buah-buahan dan sayur-sayuran, ayam, ikan dan sebagainya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2023 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 13 |

# Tingkat strategi majukan sektor pertanian jamin bekalan makanan

Siti Nur Zulaikha Mohd Zawawi,
Universiti Malaysia Terengganu

**Seperti** yang diketahui umum, pertanian di Malaysia menyumbang 12 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan 16 peratus penduduk Malaysia terbabit dalam bidang itu. Angka ini menjelaskan kemerosotan bidang pertanian dan ia menjadi semakin tidak penting di negara ini berbanding dahulu.

Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor antaranya ketidaktentuan cuaca, kekurangan tenaga kerja muda, selain keutamaan negara kepada industri perindustrian yang menyebabkan banyak tanah pertanian berubah status dan dibangunkan.

Membangunkan negara sebagai lubuk perindustrian memang memberi impak positif terhadap kemajuan negara. Misalnya kita melihat wujud banyaknya peluang pekerjaan dalam sektor berkenaan, selain membantu meningkatkan pendapatan negara, memajukan ekonomi serta turut menyumbang kepada imej dan prestij Malaysia, sekali gus mendorong kepada kedatangan pelancong.

Bagaimanapun baru-baru ini berlaku krisis beras di Malaysia, sesuatu yang tidak pernah kita jangkakan. Selama ini kita berbangga dengan gelaran 'Jelapang Padi' dengan kemampuan menghasilkan beras jenama tempatan.

Namun dalam masa sama kita turut bergantung kepada beras import. Namun, apabila berlaku isu kekurangan beras tempatan disebabkan faktor permintaan meningkat, kita terkapai-kapai dalam mencari penyelesaian.

Hal ini seakan mengejutkan kita bagaimana sebagai sebuah negara yang mampu menghasilkan beras sendiri tetapi berhadapan dengan kesukaran mendapatkan beras tempatan? Ia sebenarnya tamparan hebat kepada kita kerana sektor pertanian tidak sepatutnya diabaikan, malah perlu lebih dimajukan meskipun dalam ghairah rasa hendak mengejar status sebagai negara industri.

Apatah lagi dalam keadaan semasa yang memperlihatkan kadar pengangguran meningkat dalam kalangan anak muda dan graduan. Jadi dengan meningkatkan industri pertanian, kita boleh menawarkan peluang pekerjaan. Apatah lagi sektor itu dapat menjamin keselamatan bekalan makanan.

Hal ini dikatakan sedemikian kerana negara masih belum mencapai keadaan mampu diri dalam keluaran makanan dan dibuktikan melalui nilai import yang masih tinggi sehingga mencapai RM10 bilion setahun. Jadi, pengeluaran makanan perlu diberi perhatian supaya tidak bergantung kepada import semata-mata terutamanya untuk bahan utama seperti beras, ternakan, tenusu, sayuran dan buahan.

## Tingkat kesedaran kepentingan pertanian

Krisis beras memang menyedarkan kita mengenai pentingnya memajukan sektor pertanian. Ketika ini selain di Kedah, Perlis dan Perak, Selangor juga mempunyai sawah padi yang boleh dimajukan. Malah langkah kerajaan Terengganu dalam mengatasi isu ini juga patut dicontohi iaitu mereka mengeluarkan jenama beras sendiri pada saat tepat melalui pembelian beras daripada beberapa kilang padi untuk proses pembungkusan sebelum dibekalkan kepada pengedar tunggal untuk dipasarkan.

Selain Terengganu, tindakan negeri Melaka juga patut dicontohi apabila menubuhkan jawatankuasa khas dalam menangani isu kekurangan beras tempatan dengan memanggil pihak berkaitan untuk sama-sama mencari penyelesaian seperti memantau pengeluaran beras serta kegiatan menyorok bekalan beras dan juga bakal mewujudkan garis panduan prosedur operasi standard (SOP).

Langkah lain yang diambil termasuklah menggubal dan merungkai semula dasar sedia ada iaitu kaedah penyaluran subsidi berasaskan keluasan tanah tanaman padi (berasaskan input) perlulah ditukar kepada berasakan output supaya dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

Secara keseluruhannya, kerajaan perlulah mengambil langkah menyeluruh, bersepadu dan segera untuk memastikan keselamatan makanan terutama beras negara tidak lagi bergantung kepada bekalan import semata-mata. Jadi, sektor pertanian perlulah lebih diberi perhatian dengan lebih terperinci untuk dimajukan kerana sektor ini adalah penyelamat terutama ketika negara sedang mengalami krisis ekonomi dan untuk memastikan keterjaminan makanan pada masa hadapan.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# 'Hana hero kami!'

## Kucing dibela kejut tuan rumah selepas kediaman terbakar

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

**Kuantan**

"Saya bersyukur apabila kucing betina bernama Hana mengejutkan isteri seolah-olah memberitahu rumah tempat mereka terbakar," kata Ruhaifi Isyraf Saad, 45.

Dalam kebakaran kira-kira jam 4 pagi Sabtu lalu itu menyebabkan beberapa peralatan elektrik dan perabot terletak dalam bilik di rumah Ruhaifi Isyraf dan Siti Aishah Zainul, 41, di Perumahan Bukit Rangin Perdana Satu di sini, musnah menyebabkan kerugian lebih RM5,000.

Ruhaifi berkata, dia memiliki 65 kucing yang ditempatkan dalam beberapa bilik rumahnya, cuma Hana sahaja yang berada dalam bilik tidur mereka setiap malam kerana haiwan berkenaan tidak berminat tinggal dengan kucing lain.

Menurutnya, ketika kebakaran berlaku Hana mengejutkan isterinya seolah-olah memberitahu kebakaran berlaku

"Ketika itu bekalan elektrik terputus selepas berlaku litar pintas yang dipercayai berpunca daripada televisyen.

"Saya dan isteri segera bangun apabila terhidu bau asap daripada bilik, kami cuba memadam api dengan cara menyiram dengan air. Isteri menggunakan kain basah bagi mengawal api pada televisyen yang berasap.

"Tindakan pantas membolehkan kami memadam kebakaran dalam masa beberapa minit, saya dan isteri sentiasa bertenang sepanjang kejadian berlaku," katanya.

Siti Aishah pula berkata, ketika kebakaran berlaku dia hanya ingat pada 65 kucing sambil memadam api dia berdoa semoga Allah membantu selamatkan nyawa haiwan peliharaan mereka.

Menurutnya, dia tidak dapat bayangkan sekiranya kebakaran tidak dapat dikawal, kejadian memilukan pasti berlaku pada 65 kucing peliharaannya yang berada dalam dua bilik termasuk ruang dapur.

"Saya dan suami tinggal bersama kucing sejak sembilan tahun lalu sebelum ini kami pernah memiliki 80 kucing jalanan yang dijaga dengan penuh kasih sayang.

"Kami membelanjakan lebih RM3,000 sebulan untuk menyediakan makanan. Perbelanjaan itu tidak termasuk kos rawatan sekiranya ada kucing yang sakit dan memerlukan rawatan," katanya yang bertugas sebagai guru sekolah menengah di sini.



RUHAIFI Isyraf dan Siti Aishah bersama sebahagian daripada 65 kucing di Perumahan Bukit Rangin Perdana Satu, Kuantan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

"Saya dan suami tinggal bersama kucing sejak sembilan tahun lalu, sebelum ini kami pernah memiliki 80 kucing jalanan yang dijaga dengan penuh kasih sayang"

**Siti Aishah Zainul**

Beliau menambah, hidup mereka suami isteri sentiasa ceria dan gembira bersama 65 kucing walaupun masih tidak dikurniakan zuriat, kucing menjadi penyeri rumah tangga kami yang memiliki kasih sayang begitu mendalam pada haiwan manja itu.

Siti Aishah berkata, dia dan suami banyak berkorban dengan menyediakan semua kemudahan pada kucing peliharaannya itu tanpa bantuan mana-mana pihak.

"Semua kucing umpama anak kami yang menjadi penyeri rumah tangga. Kejadian banjir besar pada 2021 juga sukar dilupakan apabila saya dan suami mengambil masa tujuh jam untuk menyelamatkan lebih 80 kucing mereka dengan bantuan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Kini, saya dan suami terpaksa menumpang rumah saudara kerana bekalan elektrik di rumah kami masih belum dapat dibaiki, hanya kucing sahaja berada di rumah," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2023 | SINAR HARIAN | PULAU PINANG | 29 |

# Maqis temui serangga perosak pada kayu dirampas

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang telah merampas 33.9 tan metrik dagangan kayu jenis Pencil Cedar Baulks *(Palaquium warburgianum pencil)* di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth di sini pada Ahad.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, dagangan kayu berharga RM186,000 itu dibawa dari Papua New Guinea ke negara ini.

Menurutnya, ketika pemeriksaan dijalankan, pegawai Maqis telah menemui serangga perosak pada dagangan kayu berkenaan di dalam sebuah kontena.

"Dagangan itu dirampas untuk tindakan lanjut selepas pemeriksaan rutin yang dilakukan oleh pegawai kita. Kita juga menemui serangga perosak pada dagangan kayu berkenaan.



**Salah seorang pegawai Maqis menunjukkan serangga perosak yang ditemui pada dagangan kayu.**

"Prosedur pintasan dan pensampelan telah dijalankan terhadap konsainan itu dan sampel telah dihantar ke Makmal Biosekuriti Tumbuhan Jabatan Pertanian," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tambah beliau, keputusan Analisa Penyaringan Perosak mendapati spesies yang ditemui adalah jenis *Long horned beetle* iaitu serangga perosak yang berisiko tinggi terhadap komoditi pertanian negara.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, tanih dan mikroorganisma yang mempunyai perosak adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Dan Pemeriksaan Malaysia 2011[Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau di penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/12/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI SEMBILAN | 27 |

# Projek LSN diteruskan untuk tingkatkan pengeluaran daging

**SEREMBAN** - Kerajaan negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) meneruskan pelaksanaan projek Ladang Satelit Nasional (LSN) yang merupakan sebahagian daripada komponen ladang kontrak di bawah Pusat Fidlot Nasional (NFC).



JALALUDDIN

SIDANG DUN NEGERI SEMBILAN

Exco Kanan merangkap Exco Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ia selari dengan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021 - 2025 yang meletakkan sasaran tahap sara diri bagi daging lembu/kerbau sebanyak 38 – 40 peratus menjelang tahun 2025.

"Di Gemas terdapat dua LSN iaitu di Londah dibangunkan di atas tanah seluas 128 hektar manakala di Ulu Ladang dibangunkan di atas tanah seluas 40 hektar.

"Kedua-dua LSN ini dibina di atas tanah rizab Padang Ragut di bawah kawalan JPVNS yang mana dilengkapi dengan kemudahan serta infrastruktur asas penternakan termasukah 14 unit kandang yang berkapasiti 200 ekor lembu setiap unit," katanya pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama DUN Negeri Sembilan yang Ke-15 di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Ridzuan Ahmad **(PN-Gemas)** berkenaan perancangan, usaha dan tindakan kerajaan negeri berkaitan memperkasa semula program LSN dan NFC.

Menurutnya, bagi memperkasa dan meningkatkan daya saing projek LSN tersebut, kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa tindakan.

Tambahnya, ia antaranya dengan mengenal pasti dan melantik penternak-penternak yang berkelayakan dan kompeten sahaja untuk mengusahakan 14 unit kandang secara pajakan yang diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah Rizab (JPTR) dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Sembilan (MMKN).

"Sehingga 31 Oktober lalu, JPTR telah menyokong permohonan pajakan melibatkan 13 unit kandang dan kini sedang dalam proses kelulusan oleh MMKN.

"Baki satu unit kandang masih lagi kosong dan dibuka kepada penternak untuk permohonan," katanya.

Jalaluddin berkata, bermula tahun 2020 sehingga tahun 2023, JPVNS melalui peruntukan pembangunan P52, telah membelanjakan sebanyak RM163,050.33 bagi tujuan menaik taraf infrastruktur ladang dan bantuan baka ternakan kepada penternak di kedua-dua LSN.

Jelasnya, kerajaan negeri amat komited dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran daging dalam negara khususnya di Negeri Sembilan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# 10 pesawah rugi RM70,000, sawah padi ditenggelami banjir



**ASMADI (kiri) dan tiga rakannya menunjukkan sebahagian pokok padi yang rosak ditenggelami banjir di Kampung Gong Ubi Keling, Jertih, Besut semalam.**

**BESUT** – Seramai 10 pesawah berputih mata apabila kira-kira 12 hektar sawah padi mereka di Kampung Gong Ubi Keling di sini yang sedang menunggu masa untuk dituai musnah dalam bencana banjir minggu lalu.

Asmadi Sidek Amat, 39, berkata, musibah tersebut menyebabkan kesemua mereka kerugian lebih RM70,000.

"Jelapang sawah padi kami yang sedang menguning ditenggelami banjir sedalam kira-kira 1 meter ekoran limpahan Sungai Bukit Jeruk pada dua minggu lalu.

"Ia menyebabkan sebahagian besar pokok-pokok padi itu mengalami kerosakan dan terjejas kualitinya," katanya ketika ditemui di Kampung Gong Ubi Keling di sini semalam.

Seorang lagi pesawah, Rosman Musa, 50, pula berkata, mereka tidak menyangka banjir pada musim tengkujuh pada tahun ini berlaku awal daripada kebiasaan.

Jelasnya, kebiasaannya banjir Monsun Timur Laut (MTL) hanya bermula pada bulan ini.

"Sebab itu masih banyak pokok padi yang sudah matang tidak sempat dituai sebelum banjir berlaku.

"Hanya sebahagian yang selesai dituai berikutan kekangan sumber manusia dan jentera," katanya.

Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Gong Ubi Keling, Mat Zain Ismail pula berkata, sawah padi beliau juga terjejas dalam bencana banjir kali ini.

"Kami rugi besar kerana tidak mendapat hasil daripada pusingan tanaman kali ini, selain terpaksa mengeluarkan modal baharu bagi penanaman semula.

"Sehubungan itu, kami berharap mendapat bantuan daripada agensi kerajaan yang berkaitan untuk kembali 'bangun'," katanya.